



جَابِتِن مِفْتِي نَكْرِي قِدَح دَارِ الْإِيمَانِ

JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH

إرشاد الحكيم

IRSYAD AL-HUKMI
Edisi 2/2019

**HUKUM PENGGUNAAN WANG
TABUNG MASJID
UNTUK AKTIVITI LUAR**

(LAWATAN SAMBIL BELAJAR DAN SEBAGAINYA)

WANG TABUNG MASJID adalah amanah orang ramai yang diserahkan kepada Jawatankuasa Masjid untuk diurus dengan sempurna. Ini berdasarkan Firman Allah SWT :

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhannya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat.”

(an Nisa' : 58)

Memakmurkan masjid-masjid dalam konteks semasa diaplikasi melalui penganjuran aktiviti keagamaan yang boleh memberi manfaat kepada anak kariah seperti kuliah, ceramah, aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan dan seumpamanya. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

﴿ إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنِ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴾

Maksudnya: Hanyasanya yang (layak) memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.

(at-Taubah: 18)

Justeru, bagi mencapai matlamat tersebut maka pihak masjid diharuskan untuk menggunakan wang tabung masjid dalam jumlah yang munasabah kerana ia tidak terhad hanya kepada pembangunan fizikal masjid semata-mata bahkan harus juga digunakan untuk pengimarahannya dan kemaslahatan anak kariah serta umat Islam secara keseluruhannya. Sekiranya berlebihan, bolehlah dimanfaatkan untuk kebajikan anak-anak kariah yang miskin, di dalam kesusahan, ditimpa musibah dan sebagainya.

Antara langkah yang boleh diambil oleh pihak masjid dalam melaksanakan tadbir urus wang tabung masjid / surau;

- **Wakaf tunai yang dipungut khusus untuk pembangunan masjid / surau;** Wajib dibelanjakan untuk pembangunan fizikal masjid yang berkenaan seperti pembelian tapak masjid / surau, membina, membaikpulih, mengubahsuai, membesarkan, membeli peralatan, perkakasan, infrastruktur dan kemudahan fizikal yang bersangkutan dengan kepentingan masjid / surau berkenaan sama ada pada masa sekarang atau pada masa yang akan datang.
- **Wang atau aset yang diwakafkan untuk masjid / surau yang tertentu;** Wajib dibelanja atau diguna untuk manfaat dan maslahat masjid / surau yang ditentukan itu. Ia tidak boleh dibelanja, dipindah atau digunakan kepada masjid / surau lain sebagai menghormati niat pewakaf berkenaan.
- **Wang yang didermakan oleh orang ramai sebagai khairat / kebajikan kepada sesebuah masjid / surau;** Harus dimanfaatkan untuk aktiviti-aktiviti yang mendatangkan kemaslahatan ahli jemaah dan anak kariah masjid / surau berkenaan contohnya seperti bayaran suguhati pensyarah dan guru yang mengajar di masjid / surau itu, mengadakan jamuan, majlis berbuka puasa untuk ahli jemaah dan anak kariah masjid / surau dan sebagainya.

- **Wang yang didermakan oleh orang ramai bagi menjalankan aktiviti tertentu;** Ia harus dibelanjakan kepada aktiviti yang dikhususkan itu sahaja seperti Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil, Majlis Doa Selamat Pergi / Balik Haji, Majlis Sambutan Hari Kebesaran Islam dan sebagainya. Baki atau lebih wang daripada pungutan derma khas yang dibuat bagi menjalankan aktiviti/majlis tertentu bolehlah disimpan dan dianjurkan derma tersebut kepada majlis yang serupa pada masa akan datang. Jika hendak dibelanjakan baki atau lebih derma tersebut kepada aktiviti / majlis yang lain, wajiblah dihebahkan kepada orang-orang yang berderma untuk mendapatkan persetujuan dan keizinan terlebih dahulu.
- **Jika tidak diketahui niat dan tujuan orang yang berderma itu dengan jelas,** maka hendaklah dilihat dari segi adat kebiasaan ('uruf') sesebuah masjid / surau dalam membelanjakan wang derma itu. Pihak Jawatankuasa harus merancang dan membelanjakan lebih wang tabung masjid / surau tersebut untuk masalah anak kariah secara khusus mahupun untuk kepentingan ummat Islam secara umum tertakluk kepada budi bicara serta kebijaksanaan masing-masing dengan syarat ia diurus dengan penuh amanah dan hikmah.

Adapun menggunakan wang tabung masjid untuk aktiviti luar seperti lawatan sambil belajar dan seumpamanya, pihak masjid dinasihatkan supaya dapat mengenal pasti tujuan, keperluan serta faedah lawatan yang bakal dilaksanakan disamping mengambil kira kedudukan kewangan masjid. Setelah dipersetujui oleh Jawatankuasa Masjid (dicatat dalam minit mesyuarat), maka lawatan sambil belajar harus dianjurkan oleh pihak masjid dan hasil lawatan hendaklah dimaklum kepada anak kariah sebagai langkah mengelak sebarang pertikaian yang bakal timbul pada masa akan datang. Wallahu a'alam.